

27 JUN 2002
Samy-Mahathir
MIC AKAN TERUS SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Kerja Pusat MIC akan terus memberi kerjasama dan sokongan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga saat terakhir beliau menerajui kepimpinan negara.

"Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat menghargai dan menyanjung tinggi kepimpinan Datuk Seri Mahathir Mohamad yang telah membawa Malaysia ke suatu tahap kegemilangan di bawah kepimpinan beliau selama 21 tahun," kata Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu pada sidang media di ibu pejabat parti di Bangunan MIC, di sini, hari ini.

Beliau berkata, Jawatankuasa Pusat MIC turut menghormati hasrat Dr Mahathir yang ingin bersara menjelang Oktober 2003 dan menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Samy Vellu berkata: "AJK Kerja Pusat penuh yakin terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui negara dan MIC akan sentiasa memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada beliau memimpin negara."

Perkara peralihan kuasa pucuk kepimpinan negara menjadi agenda khas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat parti hari ini.

Beliau berkata persaraan Dr Mahathir memberi impak yang besar kepada negara dan rakyat, tetapi kita berasa gembira kerana Abdullah menjadi penggantinya dan "beliau tahu kesemuanya".

Beliau berkata, mesyuarat juga berikrar memberi kerjasama yang padu bagi membolehkan proses peralihan kuasa yang disyorkan baru-baru ini berjalan dengan lancar.

Pada mesyuarat itu juga laporan mengenai kemajuan dan keadaan sekolah-sekolah Tamil telah dibincangkan.

MIC telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Sekolah-sekolah Tamil dan akan mengadakan perjumpaan dengan guru besar-guru besar sekolah Tamil di setiap negeri bagi membincangkan langkah menaiktaraf dan keadaan bangunan serta pengurusan sekolah-sekolah Tamil di negeri masing-masing.

Mesyuarat pertama akan diadakan di Perak pada 21 Julai ini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata MIC akan menghantar satu usul kepada Menteri Pendidikan mengenai cadangan menaiktaraf lebih 130 sekolah yang kini tidak berapa sesuai untuk digunakan.

"Saya percaya Menteri Pendidikan akan mengambil tindakan untuk membina semula sebahagian sekolah dan mendirikan bangunan baru di sekolah yang sedia ada melalui rancangan pembinaan sekolah tahun 2003," kata beliau.

-- BERNAMA
PA AHH ZB